

D.R. 29/97

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembahagian Tajuk ringkas. (Pindaan) 1997.

2. Akta Pembahagian 1958, yang disebut "Akta ibu" Pindaan dalam Aktaini, adalah dipinda dalam seksyen 3 dengan seksyen 3 memasukkan selepas takrif "anak" takrif yang berikut: Akta 300

' "ibu" atau "bapa" ertinya ibu atau bapa sebenar seseorang anak, atau ibu atau bapa yang sah seseorang anak di bawah Akta Pengangkatan 1952;'.
Akta 257.

3. Subseksyen 6(1) Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 6.

(a) dengan menggantikan perenggan (i), (ii), (iii) dan (iv) dengan perenggan yang berikut:

"(a) jika seseorang si mati tak berwasiat mati dengan meninggalkan seorang pasangan dan tidak meninggalkan zuriat dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, pasangan yang menakat adalah berhak kepada kesemua harta pusaka itu;

Rang Undang-Undang

- (b) jika seseorang si mati tak berwasiat mati dengan tidak meninggalkan zuriat tetapi meninggalkan seorang pasangan dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, pasangan yang menakat adalah berhak kepada setengah daripada harta pusaka itu dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa yang menakat adalah berhak kepada baki yang setengah lagi;
- (c) jika seseorang si mati tak berwasiat mati dengan meninggalkan zuriat tetapi tidak meninggalkan pasangan dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, zuriat yang menakat adalah berhak kepada kesemua harta pusaka itu;
- (d) jika seseorang si mati tak berwasiat mati dengan tidak meninggalkan pasangan dan zuriat tetapi meninggalkan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, ibu atau bapa atau ibu dan bapa yang menakat adalah berhak kepada kesemua harta pusaka itu;
- (e) jika seseorang si mati tak berwasiat mati dengan meninggalkan seorang pasangan dan zuriat tetapi tidak meninggalkan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, pasangan yang menakat adalah berhak kepada satu per tiga daripada harta pusaka itu dan zuriat itu berhak kepada baki yang dua per tiga lagi;
- (f) jika seseorang si mati tak berwasiat mati dengan tidak meninggalkan pasangan tetapi meninggalkan zuriat dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, zuriat yang menakat adalah berhak kepada dua per tiga daripada harta pusaka itu dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa itu berhak kepada baki yang satu per tiga lagi;
- (g) jika seseorang si mati tak berwasiat mati dengan meninggalkan seorang pasangan, zuriat dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa, pasangan yang menakat adalah berhak kepada satu per empat daripada

harta pusaka itu, zuriat adalah berhak kepada setengah daripada harta pusaka itu dan ibu atau bapa atau ibu dan bapa itu berhak kepada baki yang satu per empat lagi;

- (h) tertakluk kepada hak-hak seseorang pasangan atau seseorang ibu atau bapa atau ibu dan bapa yang menakat, mengikut mana-mana yang berkenaan, harta pusaka seseorang si mati tak berwasiat yang meninggalkan zuriat hendaklah dipegang atas amanah yang dinyatakan dalam seksyen 7 bagi zuriat itu;
- (i) jika seseorang si mati tak berwasiat mati dengan tidak meninggalkan pasangan, zuriat, ibu atau bapa atau ibu dan bapa, kesemua harta pusaka si mati tak berwasiat itu hendaklah dipegang atas amanah bagi orang yang berikut yang hidup pada masa kematian si mati tak berwasiat dan mengikut susunan dan cara yang berikut, iaitu:

Pertama, atas amanah yang dinyatakan dalam seksyen 7 bagi adik beradik lelaki dan perempuan si mati tak berwasiat dalam bahagian yang sama banyak; tetapi jika tiada seorang pun mendapat kepentingan yang terletak hak secara mutlak di bawah amanah sedemikian, maka

Kedua, bagi datuk nenek si mati tak berwasiat, dan jika lebih daripada seorang menakat si mati tak berwasiat dalam bahagian yang sama banyak secara mutlak; tetapi jika tiada datuk nenek yang menakat, maka

Ketiga, atas amanah yang dinyatakan dalam seksyen 7 bagi bapa saudara dan ibu saudara si mati tak berwasiat dalam bahagian yang sama banyak; tetapi jika tiada seorang pun mendapat kepentingan yang terletak hak secara mutlak di bawah amanah sedemikian, maka

Keempat, bagi moyang-moyang si mati tak berwasiat dan jika lebih daripada seorang menakat si mati tak berwasiat dalam bahagian yang sama banyak secara mutlak; tetapi jika tiada moyang-moyang sedemikian yang menakat, maka

Kelima, atas amanah yang dinyatakan dalam seksyen 7 bagi moyang saudara si mati tak berwasiat dalam bahagian yang sama banyak."; dan

(b) dengan menomborkan semula perenggan (v) sebagai perenggan (j).

Peruntukan
kecualian.

4. Apa-apa pembahagian harta seseorang si mati tak berwasiat yang telah dimulakan sebelum Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah diteruskan atau diselesaikan dari segala segi seolah-olah Akta ini tidak pernah diluluskan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pembahagian 1958 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 3 Akta dengan mengadakan takrif perkataan "ibu" atau "bapa".

3. *Fasal 3* bertujuan meminda subseksyen 6(1) Akta dengan menggantikan perenggan (i), (ii), (iii) dan (iv) yang sedia ada, dengan perenggan baru (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h) dan (i). Perenggan baru ini bertujuan untuk mencapai dan memastikan suatu pembahagian harta seseorang si mati tak berwasiat mengikut cara yang adil dan saksama dengan menimbangkan kebajikan dan kepentingan pasangan, zuriat dan ibu dan bapa yang menakat si mati tak berwasiat itu.

Istilah "suami atau isteri yang menakat" telah ditukarkan kepada "pasangan yang menakat" untuk menggambarkan pembahagian harta si mati tak berwasiat berdasarkan asas kesamarataan dari segi jantina.

Pembahagian (Pindaan)

5

Peruntukan yang jelas mengenai hak ibu dan bapa yang menakat dalam pembahagian hari *seseorang* si mati tak berwasiat adalah selaras dengan matlamat mewujudkan sebuah masyarakat penyayang.

4. *Fasal 4* memperkatakan peruntukan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang **ini tidak** akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1844.]